

MAHATHIR

1978

MELAKA, 26 JAN. (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MASIH TIDAK BERPUASHATI DENGAN PERJALANAN POLITIK UMNO NEGERI MELAKA SEKARANG.

BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA BELIAU TIDAK BERPUAS HATI DENGAN PERJALANAN JAWATANKUASA—JAWATANKUASA PENTADBIR BAHAGIAN—BAHAGIAN UMNO DI NEGERI INI SEJA PENGANTUNGAN BAHAGIAN—BAHAGIAN UMNO YANG LAMA BERIKUTAN DENGAN KRISIS POLITIK MELAKA YANG LALU.

KATANYA, PERJALANAN JAWATANKUASA—JAWATANKUASA BAHAGIAN ITU MASIH BELUM LICIN LAGI DAN MASIH ADA SUNGUTAN—SUNGUTAN YANG TIMBUL KHASNYA PERASAAN TIDAK PUAS HATI TERHADAP PEMBERIAN TANAH DI NEGERI INI.

BELIAU YANG JUGA KETUA JAWATANKUASA PENTADBIR PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MELAKA MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SETELAH MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERHUBUNGAN ITU SERTA MENEMUI AHLI—AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DARI UMNO SELAMA HAMPIR EMPAT JAM DI PEJABAT UMNO DI SINI. 82

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA BELIAU TELAH MENGARAHKAN KERAJAAN NEGERI SUPAYA MEMBEKUKAN SEMUA TINDAKAN BERKENAAN MASALAH TANAH DI NEGERI INI.

—BERSAMBUNG HM 1601

MAHATHIR 2 MELAKA

KATANYA, ARAHAN ITU TELAH PUN DIKELUARKAN LEBIH AWAL LAGI SEMENTARA PIHAKNYA MENDAPAT PENJELASAN BERKENAAN DENGAN SUNGUTAN—SUNGUTAN DARIPADA ORANG RAMAI MENGENAI MASALAH TERSEBUT.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA PERKARA TERSEBUT JUGA AKAN DIBICANGKAN KHAS KELAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM UMNO MEMANG TERDAPAT PERSELISEHAN PERSELISEHAN TETAPI PERKARA ITU ADALAH BIASA DAN BOLEH DIATASI.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU BAHAWA JAWATANKUASA PENTADBIR UMNO BAHAGIAN BATU BERENDAM AKAN DIKENDALIKAN OLEH DATUK HAJI AHMAD MANAP BUAT SEMENTARA WAKTU BAGI MENGGANTIKAN ALLAHYARHAM DATUK ALI HAJI AHMAD KETUA JAWATANKUASA ITU YANG TERBUNUH DALAM NAHAS KAPALTERBANG DI TANJUNG KUPANG JOHOR.

BAGAIMANAPUN DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA BELIAU SENDIRI AKAN BERTANGGUNG JAWAB PENUH ATAS JAWATANKUASA ITU.

BILA DITANYA MENGENAI TARIKH PILIHANRAYA UMUM AKAN DATANG BELIAU MENGULANGI LAGI BAHAWA TERPULANGLAH KEPADA PERDANA MENTERI DATUK MUSSEIN ONN UNTUK MENENTUKAN NYA. BELIAU SENDIRI TIDAK TAHU BILA.

KATANYA, UMNO ADALAH SENTIASA BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI SEBARANG PILIHANRAYA PADA BILA—BILA MASA.

—BERSAMBUNG HM 1705

### MAMATHIR 3 MELAKA

MENGENAI PENUTUPAN MENGEJUT SEBUAH KILANG ELEKTRONIK DI SINI YANG MELIBATKAN KIRA-KIRA 100 ORANG PEKERJA BARU-BARU INI DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN MENGGALAKKAN PENGUSAHA-PENGUSAHA KECIL SEPERTI KILANG TERSEBUT MENJALANKAN PERUSAHAAN MEREKA.

KATANYA, INI ADALAH UNTUK MENGELAKKAN SEBARANG MASALAH PARA PEKERJA YANG TIMBUL AKIBAT PENGUSAHA-PENGUSAHA KECIL SEPERTI ITU YANG MENUTUP KILANG MEREKA.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN BAHAWA NEGERI INI AKAN MENDAPAT PELABURAN DARI SYARIKAT-SYARIKAT YANG BESAR DAN TERKENAL.

"KITA MAHU SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENAWAM MODAL YANG BESAR DAN TIDAK MAHU MENINGGALKAN NEGERI INI," TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BARU BALIK DARI LAWATANNYA KE AMERIKA SYARIKAT MEMBERITAHU RAMAI PELABUR DI SANA TELAH MENUNJUK-KAN MINAT UNTUK MELABUR DI NEGERI INI.

TURUT HADIR DI MESYUARAT PERHUBUNGAN UMNO NEGERI ITU TALAH KETUA JAWATANKUASA PENTADBIR UMNO BAHAGIAN ALOR GAJAH, DATUK HAJI OTHMAN ABDULLAH, KETUA PENTADBIR UMNO BAHAGIAN JASIN DATUK HAJI MUSTAFA JABAT DAN KETUA PENTADBIR UMNO BAHAGIAN KOTA MELAKA DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN MAT ISA.

—BERNAMA HM 1710